

MENGAJAR IMBUHAN BAHASA MELAYU

AESSOOMANEE MASO

**PROJEK SARJANA DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2005

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

08.04.2005

.....
AESSOOMANEE MASO
M20021000318

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S. A. W. keluarga dan para sahabat. Bersyukur ke hadrat Ilahi yang mengurniakan segala kekuatan dan ketabahan untuk menyiapkan projek sarjana ini.

Sesungguhnya projek sarjana ini tidak akan terhasil tanpa bimbingan dan sokongan pelbagai pihak, terutama penyelia yang saya hormati Profesor Dr. Abdullah Hassan, diucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas bimbingan dan nasihat beliau dalam menghasilkan projek ini.

Rakaman terima kasih juga diucapkan kepada bapa saya, Hj. Abdul Mu'min Bin Hj. Abdullah, ibu saya Hajjah Rokiah Binti Salleh, ibu mertua saya Hajjah Halimah Binti Ibrahim, suami saya yang tercinta Bahruddin Bin Omar, putera-putera saya, adik-adik saya, kerana galakan, kesanggupan, ketabahan hati dan pengorbanan merekalah yang merangsang saya untuk berusaha menyiapkan projek ini.

Akhir sekali, ingin saya catatkan ucapan penghargaan kepada Kolej Islam Yala yang memilih saya belajar di UPSI. Tidak lupa saya terima kasih juga kepada semua rakan-rakan saya pelajar Thai di UPSI yang telah membantu saya, baik secara langsung

mahupun tidak langsung dalam menghasilkan disertasi ini. Semoga kajian ini bermanfaat kepada semua pihak.

Wassalam.

AESSOOMANEE MASO
Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjung Malim.

8 April 2005

ABSTRAK

Projek ini merupakan kajian binaan bahan dalam mengajar imbuhan bahasa Melayu. Imbuhan adalah bahagian yang penting dalam tatabahasa Melayu. Projek ini dibahagi kepada tiga bahagian iaitu imbuhan kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Bab1 membincangkan bagaimana mengajar tatabahasa di sekolah untuk membolehkan pelajar menulis dan bertutur bahasa Melayu dengan baik. Bab 2 membekalkan rangka kajian. Bab ini membincangkan tentang konsep tatabahasa iaitu *morfologi* yang membincangkan pembentukan kata, *sintaksis* yang membincangkan pembentukan ayat, dan kajian yang berkaitan. Bab 3 membincangkan metodologi kajian. Kajian ini kajian perpustakaan. Bab 4 membincangkan dapatan kajian. Siri latihan untuk melatih penggunaan imbuhan supaya dapat meningkatkan kemahiran menulis bahasa Melayu. Bab 5 kesimpulan dan cadangan bagi kajian ini.

ABSTRACT

This is a research project aimed at building materials on the use of Malay affixes in teaching Malay. Affixes is an important part of Malay grammar. This project is divided into three parts: affixation to derive nouns, verbs and adjectives. Chapter 1 discusses how grammar is taught in schools to enable students to write and speak Malay grammatically. Chapter 2 provides a research framework. This chapter discusses the concept of grammar, i.e. *morphology* which describes the construction and structure of the words, and secondly *syntax* which involves the formation sentences, and other related research works. Chapter 3 describe the research methodology used. The methodology used is that of a library research. Chapter 4, describes the product of the project. Series of graded exercises were developed involving the use of Malay affixes in developing written skills in using Malay. Chapter 5, contains a conclusion and suggestion on the research project.

KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	4
1.3 Kepentingan Kajian	6
1.4 Tujuan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Persoalan Kajian	8
1.7 Batasan Kajian	8
1.8 Definisi Istilah	8
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	11
2.2 Konsep Tatabahasa	11
2.3 Konsep Pengimbuhan	14

2.4	Teknik Mengajar Tatabahasa	20
2.5	Kajian Yang Berkaitan	24
BAB 3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	29
3.2	Kaedah Kajian	29
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	30
4.2	Imbuhan Kata Kerja	30
4.3	Imbuhan Kata Nama	73
4.4	Imbuhan Kata Adjektif	93
4.5	Cara Mengajar Imbuhan	111
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	118
5.2	Rumusan	118
5.3	Cadangan	122
RUJUKAN		125
LAMPIRAN		
A	Surat Permohonan Menggunakan Kemudahan Perpustakaan UM	

SENARAI JADUAL

Jadual	muka surat
2.1 Senarai imbuhan bahasa Melayu	16
2.2 Senarai imbuhan pinjaman dalam bahasa Melayu daripada Bahasa Sanskrit, Arab dan Inggeris	18
4.1 Contoh rangangan mengajar	113

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahasa adalah alat penting bagi membolehkan seseorang memproses maklumat dan ilmu pengetahuan, serta melahirkan buah fikiran dan perasaan. Penggunaan bahasa yang cekap dapat menggunakan bahasa dengan baik dalam pelbagai variasi dan konteks, sama ada yang rasmi atau tidak rasmi. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran bahasa hendaklah menuju ke arah melahirkan pengguna bahasa yang cekap, fasih dan lancar dalam membicarakan segala bidang dengan bahasa yang indah, bekesan dan bermutu.

Tatabahasa adalah satu daripada aspek bahasa yang penting yang perlu dikuasai oleh seseorang untuk membolehkannya menguasai bahasa yang dipelajari dengan cekap dan berkesan (Juriah Long et al. 1990: 229). Pada masa dahulu, para guru berpendapat bahawa tatabahasa itu perlu dipelajari. Pengetahuan mengenai rumusan tatabahasa akan

menjamin pelajar dapat menguasai bahan yang dipelajari dengan baik. Jadi tatabahasa dibentuk dengan tujuan tersebut dan pelajar diperlukan menghafal rumusan tatabahasa untuk membolehkan pelajar menjadi mahir berbahasa (Abdullah Hassan, 1996: 103). Oleh itu, tatabahasa salah satu aspek bahasa yang penting dan perlu diberi penekanan serta diajarkan secara terancang.

Biasanya pengajaran tatabahasa adalah bahagian yang pokok di dalam sistem persekolahan tradisional dan para guru diperlukan mengajar tatabahasa kepada pelajar. Jarang sekali mereka mengetahui sebab kenapa tatabahasa itu diajar. Apabila soalan demikian dikemukakan, biasanya jawapannya mengatakan pengajaran bahasa merupakan tugas amali yang kompleks. Untuk menyelesaikan masalah-masalah pengajaran dan pembelajaran khususnya persoalan tentang apa yang hendak diajar kepada murid-murid dan bagaimana murid-murid dapat belajar dengan berkesan (Juriah Long, 1990: 14).

Pengajaran tatabahasa yang disarankan di sekolah-sekolah amat menekankan aspek morfologi dan sintaksis. Namun begitu, aspek-aspek yang berkaitan seperti sebutan, intonasi dan simantik adalah juga tidak diabaikan. Sebaik-baiknya pengajaran tatabahasa dapat dikendalikan dengan memberikan memberikan kefahaman yang tinggi kepada para pelajar tentang aspek-aspek berikut: (1) bentuk dan unsur-unsur tatabahasa (2) fungsi atau peranan unsur-unsur tertentu tatabahasa (3) pola-pola sebutan aspek tertentu tatabahasa (Kamaruddin Husin, 1995: 189).

Sejajar dengan tujuan pemahaman yang dituju oleh sesebuah pengajaran tatabahasa di sekolah-sekolah, pendekatan-pendekatan yang digunakan sebaik-baiknya diarahkan kepada memahami peraturan-aturan bahasa itu sendiri supaya pengajaran itu tercapai dengan memuaskan dan dapat mengatasi kemungkinan kesalahan-kesalahan inti tatabahasa. Sesebuah pengajaran sebaik-baiknya dikendalikan dengan tujuan supaya para pelajar memahami dan menguasai perkara-perkara yang berikut: (a) bentuk unsur-unsur tatabahasa, (b) fungsi unsur-unsur tertentu tatabahasa, (c) makna tatabahasa unsur-unsur tatabahasa, (d) pola-pola sebutan aspek-aspek tertentu tatabahasa, (Arbak Othman dalam Azman Wan Chik, 1986: 87-88).

Pengetahuan mengenai tatabahasa itu perlu untuk membolehkan pelajar-pelajar bertutur dan menulis di dalam bahasa Malaysia dengan baik. Tatabahasa dianggap boleh memperbaiki kesalahan seperti membentuk ayat yang tidak lengkap, menggunakan imbuhan yang tidak betul ataupun menggunakan kata-kata yang tidak sesuai (Abdullah Hassan, 1996: 84).

Oleh sebab itu, seseorang guru bahasa perlu mempunyai pengetahuan dalam dua perkara penting sebelum menghadapi murid-murid di dalam kelasnya. Pertama guru tersebut perlu mempunyai pengetahuan tentang bahan bahasa yang hendak diajarkan kepada murid-murid. Kedua, guru tersebut juga perlu berkebolehan untuk memilih prosedur mengajar yang paling berkesan bagi membolehkan murid-murid menguasai bahan bahasa yang akan diajarnya.

1.2 Penyataan Masalah

Pengajaran tatabahasa di sekolah amat diperlukan supaya dapat membantu pelajar memahami dan menguasai unsur-unsur tatabahasa. Dalam konteks bahasa standard aspek morfologi merupakan aspek yang banyak menimbulkan kekeliruan. Dalam hal ini, Arbak Osman dalam Azman Wan Chik (1986: 93) menjelaskan bahawa aspek pengimbuhan dalam bahasa Melayu adalah antara yang sangat kompleks sehinggalah memahami selok-belok pemakaiannya boleh menghalang seseorang itu menguasai bahasa Melayu dengan baik. Masalah tatabahasa ialah kesukaran yang dialami oleh para pelajar dalam memahami hukum-hukum bahasa dan masalah ini boleh menjejaskan penggunaan bahasa Malaysia sebagai kebiasaan-kebiasaan lisan mahupun tulisan, lantas menjejaskan pula maksud yang hendak disampaikan dalam perhubungan sosialnya dalam masyarakat.

Sehubung dengan itu, beliau mengemukakan kesalahan-kesalahan yang ditemui dalam eksperimennya di sekolah-sekolah menengah ialah kesalahan menggunakan bentuk-bentuk kelaianan (alomof-alomof) imbuhan tertentu yang diimbuhkan kepada kata-kata dasar tertentu bahasa Melayu. Di antara contoh kesalahan tersebut ialah penggunaan awalan **me-** yang tidak betul bentuknya seperti yang terdapat pada perkataan **menlakukan** untuk **melakukan**, **mengalak** untuk **menggalakkan**, **menterapkan** untuk **menerapkan** dan sebagainya. Kesalahan yang lain termasuklah kesalahan mengimbuhkan kata-kata dasar yang tidak perlu diimbuhkan seperti pada perkataan **memanggilkkan** untuk **memanggil**, **melukiskan** untuk **melukis**, **mengajarkan** (mereka) untuk **mengajar** (mereka) dan lain-lain. Selain itu, Abdullah Hassan (1987) menjelaskan lagi bahawa pelajar-pelajar Melayu menggunakan bahasa Melayu dalam semua keadaan dan tempat tetapi kita harus

menyedari bahawa bahasa yang digunakan itu bersifat bahasa lisan atau bahasa kolokial. Antara bahasa kolokial dengan bahasa lisan atau tulisan yang digunakan di sekolah atau bahasa baku (standard) mempunyai perbezaan. Ini kerana bahasa kolokial merupakan dialek sesuatu negeri atau daerah dan kerap menggugurkan imbuhan-imbuhan semasa pertuturan.

Berhubung dengan perkara di atas, terbukti bahawa usaha pengajaran tatabahasa di sekolah-sekolah belum mencapai suatu peringkat yang boleh dikatakan berjaya, kesalahan penggunaan bahasa Melayu masih wujud di kalangan pelajar-pelajar. Justeru itu, penyelidik ingin mengemukakan dua masalah yang harus dipertimbangkan.

Yang pertama, kesukaran yang dialami oleh para pelajar dalam memahami hukum-hukum tatabahasa terutamanya masalah memahami imbuhan, hal tersebut boleh menjejaskan makna yang hendak disampaikan dalam perhubungan sosialnya. Huraian aspek-aspek tatabahasa sahaja susah difahami pelajar. Oleh sebab itu, untuk membantu penguasaan bahasa Melayu perlu diadakan tatabahasa pedagogi, iaitu tatabahasa yang dihuraikan khusus untuk bilik darjah bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran bahasa.

Yang kedua, masalah kaedah mengajar. Sesungguhnya tidak terdapat satu kaedah atau pendekatan mengajar tatabahasa yang terbaik, tetapi guru harus memilih kaedah dan teknik mengajar yang sesuai. Yang paling penting dalam pengajaran imbuhan itu guru perlu memberi pelbagai latihan supaya dapat mengukuhkan pengetahuan pelajar terhadap aspek-aspek yang diajar itu. Daripada beberapa masalah di atas penyelidik berasa perlu

mengadakan kajian ini untuk meningkatkan mutu kemahiran bahasa bagi setiap golongan dalam masyarakat.

1.3 Kepentingan Kajian

Kajian tentang mengajar imbuhan bahasa Melayu ini adalah salah satu aspek dalam pengajaran tatabahasa yang amat penting dilakukan kerana manusia sentiasa menggunakan bahasa dalam perhubungan seharian. Ayat-ayat yang dibina adalah berasaskan daripada suku kata dan imbuhan. Melalui imbuhan setiap perkataan dasar akan dikembangkan menjadi perkataan-perkataan lain yang dapat menambah perbendaharaan kata disamping memberi makna yang berlainan bagi setiap perkataan itu.

Dalam bidang pendidikan, kajian ini membantu pengajar bahasa Melayu dalam menyediakan rancangan pelajaran dan bahan pengajaran yang lebih sesuai dan sempurna serta dapat menentukan teknik mengajar yang lebih berkesan. Menurut Abdullah Hassan, (1996: 104) mengatakan bahawa dalam pembelajaran tatabahasa ini, tujuan pelajar tersebut adalah penting. Apabila pelajar mempelajari tatabahasa dengan memikirkan bahawa pembelajaran paradigma, pola, rajah-rajahtertentu sebagai tujuan pembelajaran itu sendiri, maka itulah yang dikuasainya. Usaha seperti ini tidak bermakna langsung. Tetapi sekiranya mereka mempelajari segala rumusan tatabahasa, pola dan paradigma-paradigma tersebut dengan maksud untuk menyampaikan pemikiran dan mesej dengan memilih kata nama, kata kerja atau kata sifat tertentu, dan mengarangnya di dalam rentetan tertentu, dan dengan itu mereka dapat menentukan makna dan maksud tertentu,

maka ternyata ada manfaatnya. Kalau itulah yang dijadikan matlamat di dalam pengajaran tatabahasa maka tentulah pengajaran tatabahasa tersebut mempunyai kepentingan besar.

Memandangkan masih kurang kajian yang dibuat berkaitan tajuk ini terutamanya di Thailand, maka dengan ada penulisan ilmiah ini diharap dapat menyumbangkan sesuatu kepada individu-individu yang terlibat di dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu terutamanya para pendidik dan pelajar.

Disamping itu juga kajian ini diharap akan dapat meningkatkan lagi tahap penguasaan bahasa pengkaji dan pembaca yang lain tentang bentuk-bentuk imbuhan yang sering digunakan. Tidak ketinggalan juga kajian ini amat penting kepada pengkaji-pengkaji bahasa yang terkemudian yang berminat untuk membuat kajian lanjut mengenainya.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti satu daripada aspek morfologi bahasa Melayu iaitu imbuhan. Pengkaji cuba mendedahkan penggunaannya agar ia dapat dijadikan panduan oleh semua pihak yang berminat, terutamanya guru-guru bahasa. Selain daripada itu, kajian ini dicadangkan kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran dengan harapan pengajaran dan pembelajaran tentangnya akan menjadi lebih berkesan.

1.5 Objektif Kajian

1. Mengenal pasti bentuk imbuhan dalam bahasa Melayu.
2. Mengenal pasti makna dan fungsi imbuhan dalam bahasa Melayu.
3. Mengenal pasti cara mengajar imbuhan dalam bahasa Melayu.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini mengemukakan beberapa persoalan sebagai asas kajian.

1. Apakah bentuk imbuhan dalam bahasa Melayu?
2. Apakah makna dan fungsi imbuhan dalam bahasa Melayu?
3. Bagaimanakah cara mengajar imbuhan dalam bahasa Melayu?

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini hanya bertumpu kepada imbuhan bahasa Melayu sebagai proses penerbitan kata. Ia salah satu aspek dalam morfologi. Di samping itu, penyelidik hanya tertumpu kepada golongan imbuhan bahasa Melayu yang dapat dibahagi kepada imbuhan kata kerja, imbuhan kata nama dan imbuhan kata adjektif. Manakala bentuk imbuhan pula hanya didapati bentuk awalan, akhiran, apitan dan sisipan.

1.8 Definisi Istilah

1.8.1 Mengajar

Mengajar adalah sesuatu aktiviti yang dirancang oleh guru untuk murid-muridnya dan akan membawa perubahan-perubahan tingkah laku yang diinginkan dikalangan murid-murid. Seseorang guru harus jelas tentang perubahan tingkah laku, kemahiran dan

kebolehan yang hendak diperoleh oleh muridnya. Selain itu, perancangan mengajar meliputi jejis kaedah, pemilihan isi pelajaran dan aktiviti yang sesuai supaya mencapai objektifnya.

1.8.2 Imbuhan

Perkataan-perkataan dalam sesuatu bahasa boleh terdiri daripada bentuk-bentuk dasar, iaitu bentuk kata terkecil yang tidak menerima sebarang imbuhan, atau bentuk terbitan, bentuk yang dihasilkan daripada proses memperluas bentuk dasar tadi melalui berbagai-bagai cara membentuk kata. Imbuhan dimaksudkan unit-unit bahasa tertentu yang ditambahkan pada bentuk-bentuk lain yang menyebabkan perubahan maknanya. Tercakup dalam imbuhan ialah bentuk-bentuk berikut: awalan, akhiran, sisipan, apitan, morfemkosong dan bentuk fleksi.

1.8.3 Tatabahasa

Tatabahasa dapat dibahagi kepada dua komponen iaitu morfologi dan sintaksis. Morfologi ialah bidang yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata. Dengan demikian, unsur yang dikaji dalam morfologi ialah morfem dan kata. Sintaksis sebagai subsistem bahasa bukan saja membicarakan selok-belok ayat tetapi juga membicarakan selok-belok frasa dan klausa. Oleh itu, pembicaraan sintaksis itu daripada frasa hingga ayat (Ahmad Khair Mohd Nor, 2003: 1)

1.8.4 Bahasa Melayu

Menurut Abdullah Hassan (1986), bahasa Melayu ialah bahasa yang tergolong ke dalam keluarga bahasa Melayu-Polinesia. Asalnya bahasa ini dituturkan di daerah Sumatera Selatan tetapi melalui beberapa abad, bahasa Melayu ini telah tersebar luas sehingga menjadi *lingua franca* di seluruh Gugusan kepulauan Melayu (Nusantara). Kini bahasa Melayu itu menjadi bahasa kebangsaan bagi empat buah negara di Asia Tenggara, iaitu Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura. Disamping itu bahasa melayu dituturkan juga oleh segolongan rakyat di Negeri Thai dan Filipina Selatan, dan beberapa buah pulau dan masyarakat yang terasing dari Kepulauan Melayu, seperti di Madagaskar, Srilanka, Afrika Selatan dan kepulauan Kokos di Lautan Hindi.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Penngenalalan

Dalam bab ini akan diterangkan kajian literatur yang merangkumi konsep tatabahasa, konsep pengimbuhan, teknik pengajaran tatabahasa, dan kajian yang berkaitan.

2.2 Konsep Tatabahasa

Manusia bercakap menggunakan perkataan-perkataan. Perkataan-perkataan itu disusun menjadi ayat-ayat. Tiap-tiap perkataan mempunyai makna. Cara-cara bagaimana perkataan disusun di dalam ayat juga mempunyai makna. Cara-cara itu disebut tatabahasa (Abdullah Hassan, 1994: 11).

Perkataan tatabahasa atau nahu adalah terjemahan daripada perkataan grammar.

Perkataan grammar ini sebenarnya berasal daripada perkataan Greek, makna asasnya ialah “suatu seni bacaan dan penulisan.” Perkataan ini kemudiannya digunakan sebagai

istilah umum untuk kajian dan pemerian (penghuraian) bahasa. Nahu adalah aspek bahasa yang mesti diajar secara formal di sekolah-sekolah sebagai kemahiran menulis dan membaca. Bidang kajian yang termasuk di dalam kajian nahu ialah bidang **morfologi** dan **sintaksis**. Bidang **morfologi** ialah bidang yang mengkaji tentang perkataan dan proses pembentukannya, sementara bidang sintaksis meliputi kajian mengenai frasa, klausa dan ayat (Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam, 1985: 140-141).

Menurut Henry Guntur Tarigan (1988: 4), *morfologi* ialah bahagian dari ilmu bahasa yang membicarakan selok-belok bentuk kata serta pengaruh perubahan-perubahan bentuk kata terhadap golongan dan arti kata, atau *morfologi* mempelajari selok-belok bentuk kata serta fungsi perubahan-perubahan bentuk kata itu, baik fungsi gramatik maupun fungsi semantik.

Menurut Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam (1985: 142), bidang morfologi ini menghuraikan tentang morfem dan hubungan-hubunannya untuk membentuk perkataan. Dalam bahasa Melayu misalnya morfem terbahagi kepada dua jenis yang besar, iaitu morfem terikat dan morfem bebas. Morfem terikat ialah morfem yang tidak boleh berdiri dengan sendiri dan umumnya morfem ini adalah penambahan, sementara morfem bebas ialah morfem yang boleh berdiri dengan sendiri. Dalam proses percantuman antara morfem terikat dengan morfem bebas untuk membentuk sesuatu perkataan, timbullah pula alomof-alomof tertentu yang ditentukan oleh bunyi awal sesuatu perkataan yang mengikutinya. Proses pembentukan kata ini mempunyai berbagai-bagai jenis misalnya pengimbuhan, pengulangan dan pembentukan kata majmuk. Tiap-tiap proses itu

mempunyai undang-undangnya yang tersendiri. Selain daripada melihat perkataan-perkataan dan proses pembentukannya, kata-kata itu juga dikaji dari segi penggolongannya kepada beberapa bahagian seperti kata nama, kata kerja, kata sifat dan sebagainya, disamping itu dilihat juga fungsinya.

Menurut Asmah Hj. Omar (1993: 22) dalam buku *Nahu Melayu Mutakhir*, pembentukan kata ialah cara kata-kata dibentuk, atau proses yang dilalui oleh sesuatu kata dalam pengwujudannya. Dalam Linguistik, proses ini disebut *morfologi*. Dalam bahasa Melayu ada lima proses pembentukan kata:

- (i) Menimbulkan kata selapis.
- (ii) Menggunakan penambahan.
- (iii) Menggunakan penggabungan kata yang setara (atau pemajmukan).
- (iv) Menggunakan penggandaan.
- (v) Menimbulkan akronim.

Bidang sintaksis ialah bidang yang menumpukan kajian kepada cara-cara pembentukan ayat, frasa dan klausa. Mengikut definisi, frasa ialah urutan kata-kata yang terdiri lebih daripada satu perkataan yang bertindak sebagai satu kesatuan. Dalam bahasa Melayu ia terbahagi kepada beberapa pola yang antara lain ialah frasa karyaan, bendaan dan sifatan. Sementara ayat pula merupakan ujaran yang mengandungi satu idea yang lengkap, yang mempunyai intonasi-intonasi tertentu dan dibentuk berpanduan kepada pola-pola ayat asas (kernel sentences) yang menurut pembahagian Prof. Asmah Hj. Omar (1968), ada tujuh pola. Ayat-ayat bahasa Melayu yang digunakan umumnya tidak lari

daripada salah satu pola-pola tersebut. Pembahagian pola-pola ayat asas ini adalah berdasarkan kepada strukturnya. Sementara itu kalau ditinjau dari sudut fungsi pula, terdapat ayat-ayat seperti ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seru, yang mempunyai fungsinya yang tersendiri (Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam, 1985: 143).

Menurut Nik Safiah Karim et al., (1993: 317), sintaksis ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat. Manakala Abdullah Hassan (1980: 164), sintaksis merupakan istilah untuk mengkaji pembentukan ayat, iaitu bagaimana morfem dan kata disusun menjadi unit sintaksis yang kecil iaitu frasa, atau menjadi klausa dan ayat merupakan unit terbesar.

2.2 Konsep pengimbuhan

Pengimbuhan ialah satu proses menerbitkan kata dengan mencantumkan satu atau lebih imbuhan kepada sesuatu bentuk dasar. Imbuhan tersebut bolehlah diletakkan di depan bentuk dasar, di belakang bentuk dasar, di depan dan di belakang bentuk dasar sekaligus atau disisipkan ke dalam bentuk dasar. Imbuhan yang dicantumkan di depan kata dasar ialah awalan. Imbuhan yang dicantumkan di belakang kata dasar ialah akhiran. Imbuhan yang dicantumkan sekaligus di depan dan di belakang kata dasar ialah kurungan. Imbuhan yang dimasukkan ke dalam kata dasar ialah sisipan (Abdullah Hassan, 1986: 43). Menurut Lutfi Abas (1988: 13), penambah ialah awalan, akhiran, sisipan dan pergandaan yang dikaitkan kepada akar kata, perkataan, rangkai kata dan ayat. Oleh itu, penambah (terutama awalan dan akhiran) tidak hanya dikaitkan kepada akar kata dan perkataan, seperti anggapan kebanyakan orang, tetapi juga kepada rangkai kata dan ayat.

Imbuhan-imbuhan bahasa Melayu dapat digolongkan ke dalam empat golongan berdasarkan kepada fungsinya. Keempat-empat golongan itu ialah imbuhan kata nama, kata kerja, kata sifat dan kata keterangan. Seterusnya imbuhan-imbuhan dalam bahasa Melayu dapat dibahagikan kepada dua bahagian yang besar, iaitu imbuhan-imbuhan yang asli dalam bahasa Melayu dan imbuhan yang dipinjam dari bahasa asing (Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam, 1985).